

KEHIDUPAN BERAGAMA ANGGOTA ASKAR WATANIAH DI POLITEKNIK NEGERI PERAK: TINJAUAN TERHADAP AMALAN IBADAH

*Religious life of Territorial Army members at Perak Polytechnic: A review
of religious practices*

Mohamed Hamdan Abdullah^{1*}, Mohamad Rani Md Zin² & Suraya Harun³

¹Politeknik Ungku Omar, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia

²Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia

³SK Gopeng, Taman Gopeng Baru, 31600 Gopeng, Perak, Malaysia

Corresponding author: abuhumaidi71@gmail.com

Received: 01 January 2025 **Revised:** 30 April 2025; **Accepted:** 01 June 2025; **Published:** 25 June 2025

To cite this article (APA): Abdullah, M. H., Md Zin, M. R., & Harun, S. (2025). Kehidupan beragama anggota Askar Wataniah di Politeknik negeri Perak: Tinjauan terhadap amalan ibadah. Firdaus Journal, 5(1), 79-92. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol5.1.8.2025>

ABSTRAK

Kehidupan beragama merujuk kepada cara seseorang atau kelompok menjalani hidup mereka berdasarkan ajaran dan nilai-nilai agama yang dianuti. Ini melibatkan pelbagai aspek kehidupan, termasuklah amalan ibadah. Islam dengan jelas menyebutkan bahawa ibadah itu menuntut seluruh kehidupan manusia untuk mengabdikan diri dan mentaati Allah SWT, tetapi ramai juga yang mengabaikan ibadah yang ditetapkan oleh ajaran Islam. Oleh itu, kajian berkaitan ibadah ini telah dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengamalan ibadah Islam anggota Askar Wataniah di politeknik Negeri Perak serta mengkaji perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan jantina dan hubungan antara pendidikan agama dengan amalan ibadah mereka. Kajian berbentuk kajian tinjauan dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini tertumpu kepada anggota Askar Wataniah yang beragama Islam di politeknik Negeri Perak yang terdiri daripada 2 buah politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar, Ipoh seramai 46 orang, dan Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang seramai 51 orang, menjadikan jumlah respondennya ialah 97 orang. Data yang diperolehi daripada soal selidik dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science Version 22.0 (SPSS v22.0) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, skor min, ujian-t serta korelasi pearson. Hasil kajian mendapati tahap pengamalan ibadah Islam adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa kehidupan beragama anggota Askar Wataniah adalah baik dan mempunyai kesedaran untuk menunaikan amalan ibadah yang telah ditetapkan oleh syariat. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara min kedua-dua kumpulan jantina dan tidak terdapat perkaitan linear yang signifikan antara tahap pendidikan agama dan amalan ibadah. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana anggota Askar Wataniah mengimbangi antara tugas ketenteraan dan tanggungjawab agama, serta membantu pihak berkuasa dalam merangka program-program yang dapat menyokong kehidupan beragama mereka.

Kata kunci: Kehidupan beragama; amalan Islam; ibadah; askar wataniah; politeknik

ABSTRACT

Religious life refers to the way a person or group lives their life based on the teachings and values of the religion they adhere to. This involves various aspects of life, including worship practices. Islam clearly mentions that worship requires the whole life of a person to devote himself and obey Allah SWT, but many also ignore the worship prescribed by Islamic teachings. Therefore, this study related to worship has been conducted with the aim of identifying the level of Islamic worship of members of the Territorial Army at the Perak State Polytechnic as well as studying the differences in the level of worship based on gender and the relationship between religious education and their worship. The study is a survey study and uses a questionnaire as a research instrument. The sample of this study is focused on members of the National Army who are Muslim at the Perak State Polytechnic which consists of 2 polytechnics namely Ungku Omar Polytechnic, Ipoh with a total of 46 people, and Sultan Azlan Shah Polytechnic, Behrang with a total of 51 people, making the total number of respondents 97 people. The data obtained from the questionnaire was collected and analyzed using Statistical Packages for Social Science Version 22.0 (SPSS v22.0) software to obtain frequency, percentage, mean score, t-test and pearson correlation. The results of the study found that the level of Islamic worship is high. This shows that the religious life of Askar Wataniah members is good and has the awareness to fulfill the worship practices that have been set by the Sharia. Findings also show that there is no statistically significant difference between the mean of both gender groups and there is no significant linear relationship between the level of religious education and worship practices. The results of this study are expected to provide a deeper insight into how members of the Territorial Army balance between military duties and religious responsibilities, as well as assist the authorities in devising programs that can support their religious lives.

Keywords: Religious life; Islamic practice; worship; askar wataniah; polytechnic

PENGENALAN

Kehidupan beragama merupakan satu aspek penting dalam pembentukan identiti dan keperibadian individu, terutamanya dalam kalangan anggota pasukan keselamatan seperti Askar Wataniah. Di Malaysia, Askar Wataniah memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara, sambil mengekalkan komitmen terhadap prinsip dan amalan agama masing-masing. Di Politeknik Negeri Perak, sejumlah pelajar turut aktif dalam menyertai pasukan Askar Wataniah, mereka diharapkan bukan sahaja menunjukkan keberanian dan kesetiaan kepada negara, tetapi juga memelihara kehidupan beragama yang mantap.

Dari segi etimologi, kehidupan berasal dari kata 'hidup', yang bermakna terus berada dalam keadaan hidup. Kehidupan merujuk kepada segala aspek kehidupan manusia, baik di dunia maupun di akhirat (Kamus Dewan 2005). Falsafah hidup dan cara hidup menurut Islam, sebagaimana yang difahami daripada al-Quran dan al-Sunnah, dengan jelas menyatakan bahawa hakikat kehidupan yang sebenarnya adalah kehidupan di akhirat. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

'Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari Akhirat).' (al-Quran, al-Ankabut 29: 64)

Secara etimologi, perkataan 'agama' berasal dari bahasa Sanskrit, terdiri daripada 'a' dan 'gama' yang bermakna 'tidak kacau'. Agama juga bermaksud kepercayaan kepada Tuhan, sifat-sifat serta kekuasaan-Nya, serta penerimaan ajaran dan perintah-Nya, seperti dalam agama Islam dan Kristian. Selain itu, agama merujuk kepada kepercayaan terhadap sesuatu dewa atau objek lain yang dipuja dan dianggap memiliki kekuasaan besar, contohnya agama kepada harta benda (Kamus Dewan 1994). Sementara itu, 'beragama' bermaksud memiliki atau menganut sesuatu agama, seperti orang Melayu yang beragama Islam. Oleh itu, mereka perlu mematuhi ajaran-ajaran agama, taat kepada agama, dan melaksanakan ibadah. Menurut Yazeed Abbas (1998), beragama bermakna manusia harus tunduk, patuh, dan berserah diri kepada undang-undang universal untuk mewujudkan suasana yang sejahtera, aman, damai, dan tidak 'kacau' dalam kehidupan ini.

Memandangkan perkataan 'agama' berasal dari bahasa Sanskrit, bukan dari bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran dan bahasa pertuturan Nabi Muhammad SAW, maka lebih sesuai jika Islam diistilahkan sebagai '*al-din*', seperti yang digunakan oleh sebahagian ulama Islam. Menurut mereka, *al-din* ialah suatu ketetapan Ilahi yang membimbing orang yang berfikir waras dengan pilihan mereka sendiri ke arah kebaikan (*al-solah*) di dunia dan kejayaan di akhirat. Secara mudah, *al-din* merujuk kepada ketetapan Ilahi yang memandu ke arah kebenaran (*al-haq*) dalam keyakinan dan ke arah kebaikan dalam tingkah laku dan pergaulan (Darraz 1990). Islam juga diistilahkan sebagai undang-undang Allah untuk seluruh umat manusia. Seluruh alam tunduk kepada undang-undang tersebut, oleh itu Allah menurunkan *al-din* atau wahyu dari langit. Bagi sesetengah sarjana moden Islam, seperti al-Maududi, *al-din* diertikan sebagai 'cara hidup' atau '*way of life*' (Afzalur Rahman 1995). Pengertian sebenar Islam dapat difahami secara mendalam melalui penjelasan Nasr (1979) bahawa perkataan Islam mengandungi dua makna utama yang saling berkaitan: 'penyerahan' (*aslama*) dan 'keamanan' (*salama*). Oleh itu, orang Islam adalah mereka yang menyerah diri sepenuhnya kepada Allah SWT, dan melalui penyerahan ini, mereka mencapai 'keamanan' dan 'keselamatan' dalam kehidupan (Nasir Omar 1996).

Abd. Majid al-Najjar (1996) dalam bukunya Cara Hidup Beragama: Pengertian dan Penerapan merumuskan bahawa cara hidup beragama menuntut agar agama tidak hanya difahami secara permukaan, kerana pendekatan yang cetek tidak mampu memperbaiki keadaan umat Islam. Sebaliknya, ia memerlukan penelitian yang mendalam mengenai kehidupan masyarakat manusia untuk memudahkan pelaksanaan ajaran-ajaran agama dalam kehidupan seharian. Oleh itu, selain memahami agama dengan baik, kita juga perlu memahami realiti manusia, baik dari segi individu mahupun sosial.

Dalam konteks kehidupan beragama ini, amalan ibadah memainkan peranan utama dalam membentuk dan memelihara nilai-nilai agama di kalangan anggota Askar Wataniah yang masih belajar di politeknik Negeri Perak. Amalan ibadah yang konsisten dan betul bukan sahaja mencerminkan ketaatan seseorang terhadap ajaran agama tetapi juga memberi impak positif terhadap disiplin, moral, dan semangat dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka.

Kajian ini meneliti kehidupan beragama anggota Askar Wataniah di politeknik Negeri Perak, dengan fokus khusus pada amalan ibadah yang diamalkan oleh mereka. Penelitian ini adalah penting kerana anggota Askar Wataniah, selain daripada tugas ketenteraan, juga memainkan peranan sebagai pelajar yang sedang menuntut ilmu. Oleh itu, keseimbangan antara tanggungjawab akademik dan ketenteraan dengan amalan beragama perlu diambil kira untuk memastikan kesejahteraan spiritual dan jasmani mereka terjaga (Abd. Majid al-Najjar, 1996).

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana anggota Askar Wataniah di politeknik Negeri Perak mengamalkan ajaran agama khususnya berkaitan ibadah di dalam kehidupan seharian mereka. Dengan mengkaji aspek ini, diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan antara amalan beragama dengan pendidikan agama mereka.

KAJIAN LITERATUR

Politeknik adalah salah satu institusi pendidikan di Malaysia yang majoriti pelajarannya adalah beragama Islam. Kehidupan di politeknik dipenuhi dengan berbagai kegiatan kurikulum dan kokurikulum. Aktiviti kurikulum meliputi proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung secara formal, dengan jadual dan waktu yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik. Beberapa kurikulum pengajaran dan pembelajaran umum yang diajarkan di politeknik termasuk Pendidikan Islam, Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dan Penghayatan Etika dan Peradaban. Kokurikulum pula berfungsi sebagai tambahan kepada pengalaman pembelajaran keseluruhan yang diperoleh di dalam bilik kuliah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah terancang dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk memperluas, memperkukuh, dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah (DBP 1992). Sebahagiannya adalah terdiri daripada unit beruniform seperti Pengakap dan Askar Wataniah.

Badan Beruniform Askar Wataniah adalah salah satu badan beruniform yang termasuk dalam penilaian kokurikulum di politeknik Malaysia. Sejak sesi Jun 2014, penilaian kokurikulum politeknik telah menetapkan bahawa para pelajar yang menyertai kokurikulum badan beruniform perlu terus mengikuti program tersebut sehingga ke semester akhir. (Garis Panduan Askar Wataniah Politeknik Malaysia, 2015).

Pasukan Askar Wataniah di politeknik menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyertai pasukan sukarela tentera Malaysia, yang berperanan dalam membantu pertahanan negara. Pelajar yang menyertai Askar Wataniah akan menjalani latihan fizikal dan mental yang intensif, termasuk diberi pendedahan dalam aspek ketenteraan, termasuk pengurusan masa, kepimpinan, taat setia, kesetiaan, kerja berpasukan, saling menghormati, serta kegigihan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mempertahankan agama, bangsa, dan negara. Bentuk latihan yang dijalankan meliputi Latihan Kawad, Baca Peta, Menembak, Ilmu Taktik, Ilmu Medan Perang, serta latihan Jasmani dan Kerohanian. Latihan ini dilaksanakan dalam dua kaedah, iaitu secara individu dan secara berkumpulan (Imaduddin et al. 2006).

Melalui penyertaan dalam Askar Wataniah, pelajar politeknik bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran ketenteraan mereka tetapi juga memperoleh pengalaman yang berharga yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian serta karier masa depan. Ini menjadikan Askar Wataniah bukan sekadar aktiviti kokurikulum, tetapi juga platform untuk pembentukan karakter yang komprehensif di kalangan pelajar politeknik.

Pasukan Askar Wataniah di politeknik, terutama di negeri Perak, mempunyai majoriti pelajar beragama Islam dan telah melaksanakan pelbagai aktiviti kerohanian yang berkaitan dengan kehidupan beragama khususnya berkaitan ibadah. Berdasarkan kajian oleh Azhar dan Sukarni (2021) berkaitan ibadah di Politeknik Hulu Terengganu (PHT) menunjukkan bahawa lebih 50 peratus pelajar PHT yang tidak sentiasa menunaikan solat fardhu lima waktu walaupun mereka menyedari akan kewajipan solat fardhu tersebut. Selain daripada mengetahui akan balasan dan azab Allah kepada mereka yang tidak menunaikan solat.

Menurut kajian Fatin Faqeriah Hamsah dan Termimi Hidayat Mahyan (2023) menunjukkan bahawa tahap pengamalan ibadah solat fardhu pelajar Politeknik Mukah berada pada nilai min yang tinggi iaitu 4.09. Manakala nilai min bagi faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor rakan dan faktor persekitaran juga berada pada nilai min yang tinggi iaitu masing-masing 4.63, 4.41, 3.85 dan 4.47. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengamalan ibadah solat fardhu dengan faktor-faktor yang dikaji iaitu faktor diri sendiri $r=0.484^{**}$, faktor keluarga $r=0.412^{**}$, faktor rakan $r=0.549^{**}$ dan faktor persekitaran $r=0.360^{**}$. Justeru itu, pengamalan ibadah solat fardhu dalam kalangan pelajar amat penting dalam membentuk peribadi yang tinggi secara holistik.

Begitu pula dengan dapatan kajian oleh Mohd Alif et al. (2020) menunjukkan nilai skor min yang tinggi bagi pengamalan solat berjemaah pelajar, pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar dan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah. Tiada perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan di dalam pengamalan solat berjemaah pelajar dan pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar. Namun terdapat perbezaan jantina di dalam persepsi pelajar terhadap solat berjemaah. Pengamalan solat berjemaah pelajar PMKL adalah sangat baik dan akan sentiasa diberikan perhatian oleh pihak institusi.

Justeru itu sudah pasti ibadah dan akhlak mempunyai perkaitannya. Dalam konteks sosial, akhlak adalah asas penting yang mengikat hubungan dalam sesebuah masyarakat, memastikan kewujudan, kestabilan, keamanan, dan kesejahteraan masyarakat tersebut. Keruntuhan nilai akhlak dalam masyarakat bukan sahaja mengancam kesejahteraan mental individu, tetapi juga boleh menyebabkan kemusnahan, kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap aspek masyarakat (Azhar & Ab. Halim 2005).

Oleh itu, mengkaji isu ini dirasakan amat penting dan perlu dikaji dengan lebih dekat lagi agar dapat diselidik dan dianalisis terhadap kehidupan beragama Askar Wataniah di politeknik negeri Perak, dan seterusnya berusaha untuk meningkatkan kehidupan beragama mereka.

METODOLOGI

Kaedah kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, pemilihan lokasi, pemilihan sampel, dan kaedah penganalisan data.

a. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengedaran soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpul data daripada sampel yang dipilih secara rawak dan mewakili populasi. Matlamat reka bentuk kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat umum melalui pengumpulan data yang menyeluruh daripada populasi. Kajian ini menggabungkan dua pendekatan penyelidikan sains sosial, iaitu data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui kajian sumber perpustakaan dan analisis dokumen berkaitan, yang bertujuan untuk melengkapkan dapatan daripada data kuantitatif. Gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk memastikan kesahan dapatan, proses ini dikenali sebagai triangulasi kaedah. Dengan pendekatan ini, kelemahan satu kaedah dapat diimbangi dengan kelebihan kaedah yang lain (Neuman 2000).

b. Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di politeknik negeri Perak, yang merangkumi Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang. Pemilihan negeri Perak ini adalah mengambil kira faktor-faktor seperti senioriti, lokasi, dan kategori.

c. Sampel Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada dua politeknik di negeri Perak. Responden yang terlibat adalah pelajar Muslim peringkat diploma yang mempunyai nombor tentera, masih aktif, dan berada di politeknik tersebut. Berdasarkan laporan statistik Kompeni D (Politeknik Ungku Omar), Batalion Pertama, Rejimen 503 AW, terdapat 55 orang pelajar, manakala statistik Kompeni D (Politeknik Sultan Azlan Shah), Batalion Ketiga, Rejimen 503 AW, menunjukkan seramai 51 orang pelajar. Oleh itu, jumlah populasi kajian ini adalah 106 orang. Berdasarkan

jadual Krecjie dan Morgan (1970) yang dirujuk dalam Chua (2011), bilangan sampel yang dicadangkan adalah 80 orang, yang dianggap mencukupi. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, bilangan sampel telah ditingkatkan kepada 97 orang untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian.

d. Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah soal selidik yang mengandungi 30 item berkaitan pengamalan ibadah Islam. Soal selidik ini diadaptasi daripada instrumen yang dibangunkan oleh Fariza et al. (IPI.Fariza.net.2015) dengan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan untuk disesuaikan dengan tujuan kajian, dan telah diuji kebolehpercayaan dan kesahannya melalui kajian rintis.

e. Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, dapatan dianalisis menggunakan kaedah analisis statistik. Data mentah yang dikumpul disusun untuk menggambarkan sifat-sifat yang ada pada sampel. Semua maklumat mengenai demografi responden dan tahap pengamalan ajaran Islam diperoleh melalui borang soal selidik. Data yang terkumpul dianalisis untuk mencapai matlamat dan objektif kajian. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Soal selidik dianalisis melalui beberapa kaedah, termasuk skor min, purata keseluruhan, frekuensi, peratusan, ujian-t dan korelasi Pearson. Secara amnya, analisis data dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Skala interpretasi skor min mengikuti saranan Sanger et al. (2007), yang membahagikan dapatan statistik deskriptif kepada tiga kategori seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min		Interpretasi
0.00 – 1.66	1.00 – 2.33	Rendah
1.67 – 3.33	2.34 – 3.67	Sederhana
3.34 – 5.00	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Sanger (2007)

Skala interpretasi data inferensi secara hubungan (Pearson) juga dibuat berdasarkan kepada tiga kategori sebagaimana saranan Cohen (1988) seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skala Interpretasi Kadar Hubungan

Kadar Hubungan	Interpretasi
$r=0.10$ hingga 0.29	Kecil
$r=0.30$ hingga 0.49	Sederhana
$r=0.50$ hingga 1.0	Kuat

Sumber Cohen (1988)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan demografi pelajar, diikuti oleh tahap amalan ibadah mereka. Bahagian ketiga pula mengkaji tentang perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan jantina dan hubungan antara tahap pendidikan agama dan amalan ibadah mereka.

a. Demografi Responden

Jadual 3: Demografi Responden

Faktor	Kategori	Kekerapan	Peratus
Agensi	Politeknik Ungku Omar	46	47.4
	Politeknik Sultan Azlan Shah	51	52.6
Jabatan	Kejuruteraan Mekanikal	33	34.0
	Kejuruteraan Awam	12	12.4
	Perdagangan	28	28.9
	Kejuruteraan Elektrik	18	18.6
	Teknologi Maklumat & Komunikasi	6	6.2
Jantina	Lelaki	59	60.8
	Perempuan	38	39.2
Status	Bujang	96	99.0
	Kahwin	1	1.0
Tempat Tinggal	Asrama	20	20.6
	Luar Asrama	77	79.4
Tahap Pendidikan	Sekolah rendah	36	37.1
Agama	SRA	31	32.0
	SMA	24	24.7
	STAM/STU	1	1.0
	Lain-lain	5	5.2
Jumlah		97	100.0

Berdasarkan Jadual 3 di atas, terdapat 46 orang responden (47.4%) dari Politeknik Ungku Omar dan 51 orang responden (52.6%) dari Politeknik Sultan Azlan Shah. Manakala jabatan pula, jabatan dengan jumlah responden terbanyak adalah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan 33 orang (34.0%), diikuti oleh Jabatan Perdagangan dengan 28 orang (28.9%), dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan 18 orang (18.6%). Sementara itu, Jabatan Kejuruteraan Awam mempunyai 12 orang responden (12.4%), dan Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi adalah yang paling rendah dengan hanya 6 orang (6.2%).

Dari segi jantina, terdapat 59 orang pelajar lelaki (60.8%) dan 38 orang pelajar perempuan (39.2%), menunjukkan bahawa jumlah pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan. Selain itu, 96 orang pelajar (99%) adalah bujang, manakala hanya 1 orang pelajar (1%) yang sudah berkahwin.

Dalam analisis tempat tinggal, 20 orang pelajar (20.6%) tinggal di asrama, sementara 77 orang pelajar (79.4%) tinggal di luar asrama, sama ada di rumah sewa atau bersama keluarga. Mengenai tahap pendidikan agama, responden yang mempunyai pendidikan agama tertinggi ialah dari sekolah rendah, dengan 36 orang (37.1%), diikuti oleh SRA dengan 31 orang (32.0%), dan SMA dengan 24 orang (24.7%). Manakala, STAM dan lain-lain adalah yang paling rendah, dengan masing-masing 1 orang (1.0%) dan 5 orang (5.2%).

b. Tahap Pengamalan Ibadah Anggota Askar Wataniah

Jadual 4: Tahap Pengamalan Ibadah Anggota Askar Wataniah

Bil	Perkara	Min	S.P	Interpretasi
1	Saya mengucapkan dua kalimah syahadah dalam kehidupan harian saya	4.85	.408	T
2	Saya belajar ilmu agama untuk diamalkan	4.92	.276	T
3	Saya melakukan zikir untuk cari ketenangan jiwa	4.78	.484	T
4	Saya menunaikan solat lima waktu di mana sahaja saya berada	4.71	.558	T
5	Setiap hari saya menunaikan Solat Subuh	4.63	.666	T
6	Setiap hari saya menunaikan Solat Zuhur	4.63	.651	T
7	Setiap hari saya menunaikan Solat Asar	4.65	.629	T
8	Setiap hari saya menunaikan Solat Maghrib	4.68	.622	T
9	Setiap hari saya menunaikan Solat Isyak	4.62	.668	T
10	Saya sering menunaikan solat berjemaah di masjid	3.86	.989	T
11	Saya sering menunaikan solat sunat tahajjud	3.61	1.104	S
12	Saya melakukan sujud sahwi pada rakaat yang tertinggal dalam sembahyang	4.31	1.024	T
13	Saya membaca al-Quran setiap hari	4.01	.973	T
14	Saya melakukan puasa di bulan Ramadhan	4.87	.372	T
15	Saya sering melakukan puasa sunat Isnin dan Khamis	3.61	1.142	S
16	Saya memberi zakat kepada yang memerlukan	4.27	.836	T
17	Saya berdoa supaya saya dapat menunaikan haji di Mekah	4.71	.612	T
18	Saya taat perintah Allah dalam sebarang situasi	4.74	.545	T
19	Saya membaca doa sebelum makan	4.86	.382	T
20	Saya takut melakukan perkara yang dilarang agama	4.75	.479	T
21	Saya mengamalkan ajaran agama untuk mengelakkan daripada terlibat dengan gejala sosial	4.76	.495	T
22	Saya mandi junub bila keluar tanda-tanda hadas besar/haid	4.69	.584	T

bersambung

23	Saya mengamalkan kebiasaan wuduk dalam rutin harian saya	4.57	.628	T
24	Saya menjawab azan ketika ianya sedang berkumandang	4.56	.676	T
25	Saya menunaikan solat hari raya pada setiap tahun	4.41	.826	T
26	Saya membaca doa setiap kali sebelum belajar	4.53	.678	T
27	Saya mengamalkan bacaan Surah Yasin dalam kehidupan	4.35	.791	T
28	Saya melaksanakan solat Jamak dan Qasar apabila bermusafir	4.63	.682	T
29	Saya melibatkan diri dalam aktiviti sembelihan dan korban	4.12	1.023	T
30	Saya membantu menguruskan jenazah sewaktu berlaku kematian	3.91	1.146	T
Purata Skor Min		4.49	0.437	T

S.P: Sisihan Piawai S: Sederhana T: Tinggi

Jadual 4 mempersembahkan min dan sisihan piawai tahap pengamalan kerohanian pelajar dari aspek ibadah. Konstruk ini dibangunkan dengan 30 item soal selidik untuk mengukur tahap amalan dalam aspek ibadah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap amalan Islam dalam aspek ibadah adalah tinggi, dengan purata skor min 4.49 ($sp = 0.437$). Kebanyakan item menunjukkan tahap amalan yang tinggi kecuali dua sahaja yang menunjukkan tahap sederhana, dengan skor min antara 3.61 hingga 4.92. Tiga item menunjukkan tahap tertinggi dengan skor min 4.92, iaitu item 2 'Saya belajar ilmu agama untuk diamalkan', item 14 'Saya melakukan puasa di bulan Ramadhan' dengan skor min 4.87, dan item 19 'Saya membaca doa sebelum makan' dengan skor min 4.86. Sebaliknya, skor min terendah diperolehi pada tahap sederhana iaitu pada item B11 'Saya sering menunaikan solat sunat tahajjud' (3.61), dan item 15 'Saya sering melakukan puasa sunat Isnin dan Khamis' (3.61).

Dalam konteks kajian ini, didapati amalan-amalan wajib yang diutarakan merupakan kewajipan dalam kehidupan seharian sebagai seorang remaja Islam iaitu seperti solat fardhu sehari semalam adalah pada skor min yang tinggi iaitu 4.71. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak pernah mengabaikan amalan ibadah solat wajib ini. Namun demikian masih terdapat sebilangan pelajar yang masih tidak menunaikan amalan ibadah solat fardhu mereka. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Alif et al. (2020) terhadap para pelajar Politeknik METrO kuala Lumpur berkaitan kepentingan amalan solat berjemaah berdasarkan skor min yang diperolehi daripada pengamalan solat berjemaah pelajar adalah tinggi ($min=3.9899$). Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Yuseri (2003) mendapati majoriti respondennya menunaikan amalan fardhu ini berbanding 28.8% respondennya yang merupakan pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Temerloh dan Kuantan, Pahang masih cuai dengan ibadah fardhu ini. Manakala kajian Azhar (2021) menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai kepentingan solat, tetapi dari segi pelaksanaan tidak menggambarkan tingginya kefahaman mereka terhadap kepentingan solat tersebut dan ianya berada pada tahap sederhana sahaja. Faktor luaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan lain-lain di dapati mempengaruhi mereka dalam menunaikan solat ataupun tidak. Namun, dapatan kajian ini agak berbeza dengan hasil kajian Azhar (2006), yang mendapati hampir separuh daripada respondennya, terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Sarawak, tidak menunaikan solat fardhu sepenuhnya. Kajian tersebut menggambarkan bahawa generasi pelajar sekolah menengah, yang merupakan golongan remaja masa kini,

menghadapi cabaran besar dalam menunaikan kewajipan asas mereka sebagai seorang Muslim.

Secara keseluruhan, tahap pengamalan ibadah Islam dalam kajian ini menunjukkan skor min yang tinggi. Ini kerana kebanyakan item yang dinilai berada pada tahap skor min tinggi, dengan hanya dua item sahaja yang memperoleh skor min sederhana. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Seri Kartini (2012), yang mendapati 94% pelajar Politeknik Ungku Omar berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi. Berbeza dengan kajian Alias (2010), yang menunjukkan tingkah laku ibadah pelajar-pelajar politeknik di seluruh Malaysia berada pada tahap sederhana. Namun, dapatan kajian ini juga sepadan dengan kajian Asmahan (2009) di Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, yang mendapati majoriti responden, iaitu 58.4%, berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas tentang tahap amalan ibadah Islam dalam kalangan anggota Askar Wataniah yang mempunyai amalan ibadah yang baik. Kebanyakan item dalam kajian ini mencatatkan skor min yang tinggi, mencerminkan amalan ibadah yang konsisten dalam kalangan responden. Sebaliknya, terdapat dua item yang mencatatkan skor min terendah, yang menunjukkan tahap amalan yang sederhana. Dapatan ini mencerminkan bahawa walaupun amalan ibadah Islam dalam aspek lain adalah tinggi, terdapat beberapa bidang khusus, seperti solat sunat tahajjud dan puasa sunat Isnin dan Khamis, di mana amalan masih berada pada tahap sederhana dan mungkin memerlukan usaha tambahan untuk meningkatkan konsistensi dan kualiti amalan tersebut.

c. Perbezaan Tahap Amalan Ibadah Berdasarkan Jantina

Jadual 5: Analisis perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan jantina

		Jantina	N	Min	SP	Std. Error Mean
Amalan Ibadah	Lelaki		59	4.55	.440	.05726
	Perempuan		38	4.39	.419	.06794

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Amalan Ibadah	Equal variances assumed	.076	.783	1.772	95	.080	.159	.08980	-.019	.337
	Equal variances not assumed			1.791	81.878	.077	.159	.08885	-.017	.335

Hasil analisis perbezaan secara ujian-t pada Jadual 5 di atas, menunjukkan skor min bagi jantina lelaki adalah 4.55 (SP=0.440) lebih tinggi daripada skor min perempuan iaitu 4.39 (SP=0.419). Perbezaan min 0.159 menunjukkan perbezaan purata antara kedua-dua kumpulan adalah lebih kurang 0.159 unit. Ini adalah saiz kesan yang kecil, dan digabungkan dengan nilai-p (0.080 dan 0.077), ia menunjukkan bahawa perbezaan ini mungkin tidak cukup besar untuk dianggap penting. Selang Keyakinan (Confidence Interval) 95% Untuk varians yang sama diandaikan: [-0.019, 0.337] Untuk varians yang sama tidak diandaikan: [-0.017, 0.335]. Selang keyakinan (Confidence Interval) untuk perbezaan min termasuk sifar dalam kedua-dua kes. Ini menunjukkan bahawa perbezaan sebenar antara kumpulan bermakna boleh menjadi sifar, menyokong kesimpulan bahawa perbezaan itu tidak signifikan secara statistik. Selang tersebut menunjukkan bahawa walaupun mungkin terdapat perbezaan, ia tidak cukup besar untuk menjadi signifikan secara statistik. Nilai-p (0.080 dan 0.077) adalah lebih besar daripada tahap alfa 0.05. Selang keyakinan termasuk sifar, menunjukkan bahawa perbezaan min mungkin tidak ketara. Secara ringkasnya, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara min kedua-dua kumpulan pada aras keertian 0.05. Perbezaan yang diperhatikan (perbezaan min 0.159) tidak cukup besar untuk dianggap signifikan, dan selang keyakinan (Confidence Interval) termasuk sifar, seterusnya menyokong kesimpulan ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa anggota Askar Wataniah lelaki dan perempuan mempunyai tahap amalan ibadah yang sama berkaitan kehidupan beragama mereka.

d. Hubungan Antara Tahap Pendidikan Agama dan Amalan Agama

Jadual 6: Hubungan antara tahap pendidikan agama dan amalan agama

		Tahap pendidikan agama	Amalan Ibadah
Tahap pendidikan agama	Pearson Correlation	1	.008
	Sig. (2-tailed)		.942
	N	97	97
Amalan Ibadah	Pearson Correlation	.008	1
	Sig. (2-tailed)	.942	
	N	97	97

P<0.05: Aras signifikan

Jadual 6 di atas menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan agama dan amalan agama berdasarkan saranan skala interpretasi Cohen (1988). Pekali Korelasi Pearson (r) tahap pendidikan agama dengan amalan ibadah ialah 0.008, nilai-p = 0.942 dan saiz sampel (N) ialah 97.

Pekali korelasi Pearson (r) mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah. Nilai 0.008 adalah sangat hampir dengan sifar, menunjukkan korelasi positif yang sangat lemah antara tahap pendidikan agama dan amalan agama. Ini menunjukkan bahawa hampir tiada hubungan linear antara kedua-dua pembolehubah ini.

Nilai-p = 0.942 menunjukkan kebarangkalian untuk memerhati data, atau sesuatu yang lebih ekstrem, jika tiada korelasi sebenar (iaitu, hipotesis nol tiada korelasi adalah benar). Nilai p 0.942 adalah lebih tinggi daripada tahap alfa konvensional 0.05. Ini bermakna bahawa korelasi itu tidak signifikan secara statistik, dan tidak mempunyai bukti yang mencukupi untuk

membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan linear yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah.

Saiz sampel (N) ialah 97, iaitu sampel yang cukup besar untuk analisis korelasi. Walaupun dengan sampel yang besar, pekali korelasi yang sangat rendah dan nilai p yang tinggi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara pembolehubah.

Secara rumusan, Pekali korelasi Pearson 0.008 menunjukkan hubungan linear positif yang sangat lemah antara tahap pendidikan agama dan amalan agama. Secara praktikalnya, ini bermakna perubahan tahap pendidikan agama hampir tidak berkaitan dengan perubahan amalan agama. Nilai p 0.942 menunjukkan bahawa korelasi ini tidak signifikan secara statistik. Tiada bukti untuk mencadangkan hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah. Memandangkan nilai p yang tinggi dan pekali korelasi hampir sifar, pengkaji membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat perkaitan linear yang signifikan antara "Tahap pendidikan agama" dan "Amalan Ibadah" dalam data ini.

KESIMPULAN

Kajian mengenai kehidupan beragama anggota Askar Wataniah terhadap amalan Islam berkaitan ibadah menunjukkan bahawa, secara umum, tahap amalan ibadah dalam kalangan individu adalah tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan amalan ibadah seperti pembelajaran ilmu agama, pelaksanaan puasa Ramadan, dan membaca doa sebelum makan berada pada tahap yang sangat baik, dengan skor min yang tinggi. Ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan individu dalam melaksanakan tuntutan agama mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa amalan yang menunjukkan tahap sederhana, seperti pelaksanaan solat sunat tahajjud dan puasa sunat Isnin dan Khamis, yang mungkin memerlukan perhatian dan peningkatan. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara min kedua-dua kumpulan jantina anggota Askar Wataniah lelaki dan perempuan dan ini menjelaskan mereka mempunyai tahap amalan ibadah yang hampir sama berkaitan kehidupan beragama.

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pegangan akidah yang mantap dan amalan ibadah yang konsisten adalah penting untuk memastikan kestabilan rohani dan ketahanan terhadap pengaruh negatif yang boleh merosakkan akidah dan ibadah. Meskipun tahap pendidikan agama tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan amalan ibadah secara langsung, ia tetap memainkan peranan penting dalam membentuk dan memperkukuhkan amalan ibadah individu.

Secara keseluruhan, peningkatan dalam pendidikan agama dan kesedaran tentang amalan ibadah dapat menyokong pengukuhan amalan Islam, yang seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan beragama seseorang.

RUJUKAN

- Abd. Majid al-Najjar. (1996). Cara Hidup Beragama: Pengertian dan Penerapan. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought.
- Afzalur Rahman. (1995). Islam: Ideology and the way of life. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen Publication.
- Alias Mat Saad. (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam politeknik kementerian pengajian tinggi malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Quran al-Karim. (2010). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 juz). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Asmahan Mokhtar. (2009). Pengamalan ajaran Islam di kalangan remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2005) Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2006). Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. <http://jurnalakademik.blogspot.my/2006/08/penghayatan-akhlak-pelajar-sekolah.html>. [3 Ogos 2016]
- Azhar Mohd Nawi & Sukarni Ab. Ghani. (2021). Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. Vol. 1 No. 1 (2021): E-PROCEEDING International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)
- Chua, Y.P. (2011). Kaedah Penyelidikan Buku 1 (Edisi Kedua). Malaysia: McGrawHill
- Cohen, J. W. (1988). Statistical Power Analysis for the Behavior Sciences (2nd edn). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Darraz, Muhammad Abdullah. (1990). Al-Din. Kuwait: Dar al-Qalam
- DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatin Faqeriah Hamsah dan Termimi Hidayat Mahyan (2023). Tahap Pengamalan dan Faktor Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Mukah. Jurnal Pengajian Umum / Journal of General Studies, [S.I.], v. 1, june 2023. ISSN 3009-013X.
- Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia. (2015). Perpustakaan Negara Malaysia. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Imaduddin Hj Abidin, Haslinda Hj Hashim & Jamal Rizal Razali. (2006). Wataniah Sebagai Pemangkin Penguasaan Soft Skills di Kalangan Siswa Siswi KUKTEM. Conference: National Student Development Conference. Kuala Lumpur
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Mohd Alif Aiman Asari, Rushidah Md Rosdi & Mohd Faisal Mahdi. (2020). Amalan Solat Berjemaah dalam Membentuk Akhlak Pelajar Politeknik METrO. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, Vol.4, No.1, 2020 eISSN 2600-7738.
- Nasir Omar. (1996). Islam dan Perbezaannya dengan Agama Lain. Dlm Dr. Mohamed Asin Dollah (pnyt.). Dimensi Agama dan Falsafah. Terbitan tak Berkala No. 5. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasir Omar. (1996). Kehidupan Beragama dalam Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasr, Syed Hussein. (1979). Ideals and Realities of Islam. London: Eperth Press.
- Neuman, W.L. (2000). Social research methods: Qualitative and quantitative approaches. Boston: Allyn and Bacon.

- Sanger, D., Spilker, A. Williams, N. & Belau, D. (2007). Opinions Of Female Juvenile Delinquents On Communication, Learning And Violence. *Journal of Correctional Education* 58(1): 69-92.
- Seri Kartini Jurami. (2012). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar melalui kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yazeed Abbas. (1998). Islam Sebagai Cara Hidup. *Buletin USIA*. 3, September: 3.
- Yuseri Ahmad. (2003). Peranan Pendidikan Islam dalam pengukuhan akidah di kalangan pelajar: kajian kes di sekolah-sekolah menengah daerah Temerloh dan Kuantan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.